



## KENYATAAN MEDIA

### SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

**EAIC SYOR PERTUDUHAN JENAYAH TERHADAP  
PEGAWAI IMIGRESEN TERLIBAT SALAH GUNA KUASA  
PENGELUARAN VISA PERUBATAN**

**UNTUK SIARAN SEGERA  
28 JULAI 2025**

---

EAIC telah menjalankan siasatan terhadap pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berhubung isu pengeluaran pas lawatan sosial kategori visa perubatan yang dikeluarkan kepada warga asing daripada beberapa negara yang didapati tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan. Siasatan ini telah dijalankan oleh Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan di bawah Seksyen 17, Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], dan diketuai oleh Pesuruhjaya EAIC, YBhg. Dato' Seri Dr. Razali Ab. Malik.

Menurut Dato' Seri Dr. Razali, Pasukan Petugas Khas tersebut telah meneliti pelanggaran dalam proses kelulusan visa perubatan, termasuk semakan terhadap pematuhan tatacara sedia ada, pengambilan keterangan saksi-saksi berkaitan, penyitaan dokumen, serta penyediaan syor yang bersesuaian untuk tindakan lanjut oleh pihak berkuasa.

#### **HASIL SIASATAN**

Siasatan Pasukan Petugas Khas mendapati bahawa terdapat penyalahgunaan kuasa oleh pegawai Imigresen yang meluluskan visa perubatan kepada warga asing dari beberapa negara, walaupun menyedari bahawa dokumen permohonan yang dikemukakan adalah tidak lengkap dan tidak mematuhi ketetapan dalam Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 10/2001.

## **SYOR**

Sehubungan itu, EAIC telah memutuskan untuk merujuk hasil siasatan ini kepada Jabatan Peguam Negara, selaras dengan peruntukan Perenggan 30(1)(c), Akta 700, dengan syor agar pertuduhan jenayah dikenakan terhadap pegawai JIM terlibat di bawah peruntukan:

- (i) Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- (ii) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*], dan/atau
- (iii) Akta Pasport 1966 [*Akta 150*].

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**